

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian Kerajaan Perikatan Nasional (PN) terhadap 'Surat Sokongan' yang disebutkan oleh YB Timbalan Menteri KBS baru-baru ini, sama ada 'Surat Sokongan' sebegini dibenarkan oleh Kerajaan PN dan apakah Kerajaan PN bersetuju dengan pendekatan 'Surat Sokongan' sebegini.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 Kerajaan telah pun mengeluarkan Garis Panduan Tindakan ke atas Sokongan yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 8 Mac 2010.

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kepada penjawat awam mengenai langkah-langkah yang harus diambil dalam menangani permohonan sokongan yang diterima daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan

NO. SOALAN : 39

Kerajaan. Ini bagi memastikan penjawat awam tidak terkeliru, terpengaruh dan mengekalkan integriti di dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan.

Bagi penjawat awam, mereka dihalang menggunakan pengaruh surat sokongan daripada mana-mana Anggota Pentadbiran. Sebagai contoh permohonan pertukaran tempat kerja pegawai. Sekiranya ia berlaku, penjawat awam tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Ketua Jabatan berdasarkan Peraturan 4(2)(h), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) [P.U.(A) 395/1993]:

“membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubung dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain”

Sekian, terima kasih.